




PANDUAN PENGGUNA SISTEM BANTUAN PERSEDIAAN YAYASAN TERENGGANU

1.0 Taip url <https://bp.yt.gov.my/> dan paparan utama akan dipaparkan seperti rajah 1.1.



Rajah 1.1: Muka Hadapan Sistem Bantuan Persediaan Yayasan Terengganu

2.0 PANDUAN SEMAKAN

2.1 Sebelum mengisi borang permohonan secara atas talian, pemohon perlu membuat semakan kelayakan terlebih dahulu dengan membuat carian nombor kad pengenalan pada ruangan **'Semak Kelayakan Sekarang'** dan halaman semakan akan dipaparkan seperti rajah 2.1.

Kategori Bantuan:
Universiti (IPTA) ▼

Peringkat Pengajian:
Diploma ▼
Pilih peringkat pengajian.

Carian No MyKad (Cth : 898989118989) :
No MyKad sebagaimana permohonan [Semak]

① Masukkan No. K/P tanpa tanda (-)

Nota Penting:
Sila masukkan No MyKad (tanpa ruang kosong atau '-') bagi tujuan **semakan** dan **permohonan baharu**.

Sila Pilih Kategori Bantuan, Peringkat Pengajian dan Masukkan Nombor Kad Pengenalan, kemudian klik butang **Semak**.

Rajah 2.1 Halaman Semakan

3.0 STATUS SEMAKAN

Hasil semakan terbahagi kepada dua (2) kategori: -

- Layak Memohon
- Permohonan Tidak Berjaya

3.1 STATUS SEMAKAN: LAYAK MEMBUAT PERMOHONAN (PERMOHONAN BARU)

Permohon layak membuat permohonan baru kerana belum pernah memohon.
(Rujuk rajah 3.1)

Rajah 3.1: Permohonan Baharu

3.2 STATUS SEMAKAN: LAYAK MEMBUAT PERMOHONAN BARU UNTUK PERINGKAT LEBIH TINGGI

Pemohon layak untuk membuat permohonan baru bagi peringkat pengajian yang lebih tinggi sahaja. Sebagai contoh pemohon pernah memohon bantuan persediaan di peringkat Diploma, maka untuk permohonan baru hanya dibenarkan memohon bantuan persediaan peringkat Ijazah Sarjana Muda dan seterusnya. (Rujuk rajah 3.2)

Rajah 3.2: Permohonan Peringkat Lebih Tinggi

3.3 STATUS SEMAKAN: PERMOHONAN MASIH BELUM DIHANTAR (*DRAFT*)

Permohonan yang belum dihantar dan status permohonan masih lagi berstatus *draft*. Pemohon perlu melengkapkan permohonan dan menghantar permohonan tersebut untuk diproses. (Rujuk rajah 3.3).

Tidak layak untuk permohonan baharu

Universiti (IPTA) Ijazah Sarjana Muda

- Terdapat permohonan masih dalam proses.

Senarai Permohonan

Sistem Baru

Permohonan 1 Draf

Tarikh Isi 09:51 15/06/2026

Tarikh Mohon

Kategori PRA UNIVERSITI

Peringkat SUJIL TINGGI PELAJARAN MALAYSIA (STPM) / SUJIL TINGGI AGAMA MALAYSIA (STAM)

Tahap Tahap 2

Institusi LAIN-LAIN

Tahap 2

☒ Kemaskini

Tarikh Mohon tidak dipaparkan kerana borang masih belum dihantar.

Sila Klik Butang Kemaskini untuk melengkapkan permohonan

Rajah 3.3: Permohonan yang belum dihantar (*draft*)

3.4 STATUS SEMAKAN: PERMOHONAN TIDAK LENGKAP

Borang Pemohonan telah berjaya dihantar dan dipulangkan kembali kepada pemohon untuk dikemaskini. Sila baca dengan teliti mesej yang dipaparkan dan ambil tindakan serta hantar kembali borang yang telah lengkap. (Rujuk rajah 3.4).

⚠ Tidak layak untuk permohonan baharu

🔍 Pro University
🔍 A-Level

• Terdapat permohonan masih dalam proses.

☰ **Senarai Permohonan**

Sistem Baru

Permohonan 1

Tarikh Isi: 01:40 10/04/2026

Tarikh Mohon: 22:06 11/04/2026

Kategori: UNIVERSITI (IPTS)

Peringkat: DIPLOMA

Tahap: Tahap 3

Institusi: UNIVERSITI KUALA LUMPUR (UNIKL)

Tahap 3

Tidak Lengkap

Catatan Admin:

HARAP MAAF, DOKUMEN YANG DIMUATNAIK TIDAK LENGKAP. SILA KEMASKINI DOKUMEN KE DALAM SISTEM BPYT SELEWAT-LEWATNYA 1 BULAN DARIPADA TARIKH NOTIFIKASI. PERMOHONAN AKAN DITOLAK SECARA AUTOMATIK JIKA KEMASKINI TIDAK DILAKUKAN DALAM TEMPOH YANG DITETAPKAN. TERIMA KASIH.

📄 Kemaskini


Sila lengkapkan permohonan dan kemaskini maklumat sebagaimana yang dinyatakan.

Rajah 3.4: Dokumen Tidak Lengkap


3.5 STATUS SEMAKAN: PERMOHONAN DALAM PROSES (BARU, DINILAI SEMULA, DISEMAK)

Borang Pemohonan telah berjaya dihantar dan dalam proses semakan. Terdapat tiga (3) kriteria nya: -


- a. Baru
- b. Dinilai Semula
- c. Disemak



Rajah 3.5 (i): Status Baru



Rajah 3.5 (ii): Status Dinilai Semula



Rajah 3.5 (iii): Status Disemak

3.6 STATUS SEMAKAN: PERMOHONAN TIDAK BERJAYA

3.6.1 Status semakan dengan keputusan tidak berjaya memohon terbahagi kepada status berikut:


- Gagal Tapisan.
Permohonan yang tidak memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan.
- Permohonan ditolak. **(DITOLAK)**
Permohonan yang tidak memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan.
- Permohonan ditolak secara automatik oleh sistem. **(DITOLAK (A))**

3.6.2 Berikut disenaraikan sebab-sebab permohonan tidak berjaya.: -


- Tidak memenuhi Syarat Umum.
- Tidak memenuhi Syarat Pusat & Program Pengajian.

- c. Tidak memenuhi Syarat Umur.
- d. Permohonan Tidak Lengkap. Permohonan yang **tidak lengkap / kenyataan palsu, dokumen yang perlu dimuat naik tidak disahkan terlebih dahulu** dan tidak memuat naik dokumen mengikut peringat pengajian akan menyebabkan permohonan anda ditolak.
- e. Tidak Memenuhi Syarat-Syarat Lain.
 - a. Permohonan **dibuka selama 3 bulan (1 bulan sebelum dan 2 bulan selepas tarikh pendaftaran rasmi** (rujuk surat tawaran) ke pusat pendidikan. Permohonan yang **melempi tempoh 3 bulan / lewat akan ditolak**.
 - b. Contoh **pengiraan tempoh sah permohonan**:
 - i. Tarikh mendaftar : 1 Februari 2026
 - ii. Tarikh permohonan mula dibuka : 1 Januari 2026
 - iii. Tarikh akhir permohonan : 31 Mac 2026
- f. Permohonan berstatus **DITOLAK(A)**. Pemohonan yang tidak lengkap, dan dipulangkan kembali kepada pemohon untuk melengkapkan permohonan, tetapi dalam tempoh 30 hari tidak menerima maklum balas pemohon, maka permohonan ditolak secara automatik melalui sistem.


3.6.3 Lampiran




Rajah 3.6.3 (a) : Tidak Memenuhi Syarat Umum




Rajah 3.6.3 (b) : Tidak Memenuhi Syarat Pusat & Program Pengajian




Rajah 3.6.3 (c) : Tidak Memenuhi Syarat Umur



Rajah 3.6.3 (d) : Maklumat Tidak Lengkap atau Jelas.




Rajah 3.6.3 (e) : Tidak Memenuhi Syarat-Syarat Lain
(Pemohon membuat permohonan terlalu awal daripada tarikh pendaftaran)



Rajah 3.6.3 (e) : Tidak Memenuhi Syarat-Syarat Lain
(Pemohon membuat permohonan melebihi daripada tarikh pendaftaran)

Pastikan **Tarikh Mula Pengajian** di isi dengan betul sebagaimana surat tawaran untuk mengelakkan permohonan ditolak.




Rajah 3.6.3 (f) : Permohonan berstatus **DITOLAK(A)**
(Sistem secara automatik menolak permohonan yang tidak dikemaskini dalam tempoh 30 hari)

Permohonan akan ditolak secara automatik oleh sistem jika dalam tempoh 30 hari pemohon gagal untuk melengkapkan permohonan yang berstatus TIDAK LENGKAP.


3.7 STATUS SEMAKAN: DI LULUS

Permohonan yang berstatus lulus.



Sila berikan **nombor kelompok baucer** untuk rujukan bagi semakan berkenaan

Rajah 3.7 (a) : Lulus dan menunggu bayaran



Proses pembayaran telah berjaya dikredit ke akaun pemohon.

Rajah 3.7 (b) : Lulus dengan bayaran

4.0 PANDUAN PERMOHONAN BAHARU

4.1 Rajah 4.1 memaparkan halaman utama yang mengandungi terma dan syarat-syarat permohonan. Sila baca dengan teliti sebelum mengisi permohonan bagi mengelakkan permohonan anda ditolak.

Bantuan Persediaan Yayasan Terengganu Laman Utama Semakan Admin

Borang Permohonan Bantuan Persediaan

- Sila lengkapkan borang permohonan dengan maklumat yang **tepat dan lengkap** mengikut arahan yang ditetapkan.
- Pemohon boleh **menyimpan** permohonan sebagai **draf** dan kembali semula untuk meneruskan atau mengemaskini maklumat sebelum menghantar permohonan.

1 2 3 4 5 6 7 8

Syarat Permohonan Maklumat Pengajian Maklumat Pemohon Maklumat Bapa/Perjaga Maklumat Ibu Maklumat Tanggungan Maklumat Dokumen Selesai

1. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

SILA BACA ARAHAN DENGAN TELITI
GUNAKAN BROWSER GOOGLE CHROME YANG TERKINI UNTUK MENGISI PERMOHONAN INI

**TERMA DAN SYARAT
BANTUAN PERSEDIAAN YAYASAN TERENGGANU (BPYT)**

1. OBJEKTIF

Kerajaan Negeri melalui Yayasan Terengganu menyediakan Bantuan Persediaan Yayasan Terengganu (BPYT) bagi pelajar anak Terengganu yang layak & memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan (rujuk syarat-syarat permohonan di bawah).

BPYT ini merupakan salah satu inisiatif Kerajaan Negeri Terengganu yang bertujuan untuk **mengalakkan** anak tempatan menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi serta meringankan beban kewangan di dalam aspek pendidikan.

2. KADAR BANTUAN

- Sekolah Menengah (RM 500.00):
 - Sekolah Berasrama Penuh (SBP)/Integrasi (SBP/SBPI)
 - Maktab Rendah Sains MARA (MRSM)
 - Sekolah Menengah IMTIAZ Yayasan Terengganu (SMIYT)
 - Sekolah Menengah Islam Darul Iman (SMIDI)
 - * Sekolah-sekolah Terpilih Kerajaan Negeri
- Pra Universiti (RM 500.00):
 - Pra Diploma
 - A Level
 - Asasi
 - Matrikulasi

Rajah 4.1 Halaman Utama Terma dan Syarat Permohonan.

4.2 Perakuan Pemohon

4.2.1 Pengesahan pemohon ini perlu ditandai pada kotak yang disediakan sebagai bukti bahawa pemohon telah membaca, memahami dan faham terma dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh pihak Yayasan Terengganu serta layak untuk memohon bantuan ini.

Pengesahan

☐ Saya telah membaca dan memahami syarat-syarat permohonan di atas dan mengesahkan bahawa saya layak memohon bantuan ini.

Tanda pada ruangan ini

Teruskan →

Rajah 4.2 Pengesahan Pemohon

4.2.2 Notifikasi Mesej

Notifikasi mesej akan dipaparkan jika pemohon tidak *tick* pada ruangan pengesahan pemohon sebagaimana rajah 4.2.1.

The screenshot shows the 'Borang Permohonan Bantuan Persediaan' (Application Form for Assistance) on the BPYT website. A modal window titled 'Perhatian' (Attention) is displayed in the center, containing an orange exclamation mark icon and the text: 'Sila baca dan setuju dengan syarat permohonan terlebih dahulu.' (Please read and agree to the application conditions first). Below the text is an 'OK' button. The background shows the application form with a progress bar at the top indicating steps 1 through 8. Step 1, 'Syarat Permohonan' (Application Conditions), is currently active.

Rajah 4.2.1: Notifikasi Mesej

4.3 Maklumat Pengajian

Pemohon perlu mengisi semua maklumat pengajian seperti rajah 4.3.

The screenshot displays the 'MAKLUMAT PENGAJIAN' (Education Information) form. At the top, a progress bar shows steps 1 through 8, with step 2, 'Maklumat Pengajian', highlighted. The form fields include: 'Kategori Bantuan Persediaan *' (Universiti (IPTA)), 'Tahun Kemasukan *' (Auto-diisi berdasarkan tarikh mula pengajian), 'Nama Institusi *' (dropdown menu), 'Peringkat Pengajian *' (Ijazah Sarjana Muda), 'Negara Pengajian *' (dropdown menu), 'Nama Kursus (Mengikut surat tawaran) *' (Contoh: Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer), 'Tarikh Mula Pengajian *' (mm/dd/yyyy), 'Tempoh Pengajian (Tahun) *' (dropdown menu), 'Aliran *' (dropdown menu), and 'Sub Aliran *' (dropdown menu). At the bottom, there are buttons for '← Kembali' (Back), 'Simpan Draf' (Save Draft), and 'Teruskan →' (Continue).

Pastikan **Tarikh Mula Pengajian** di isi dengan betul sebagaimana surat tawaran untuk mengelakkan permohonan ditolak.

Rajah 4.3: Maklumat Pengajian

4.4 Maklumat Pemohon

Pemohon perlu mengisi semua maklumat pemohon seperti rajah 4.4.

The form is titled 'MAKLUMAT PEMOHON' and is divided into several sections:

- Maklumat Peribadi:** Includes fields for 'No. Kad Pengenalan *', 'Nama Penuh *', 'Tanpa tanda *', 'No. Sijil Lahir', 'Tarikh Lahir', 'Umur', and 'Jantina *'.
- Bangsa *:** A dropdown menu with 'Melayu' selected.
- Agama *:** A dropdown menu with 'Islam' selected.
- Warganegara *:** A dropdown menu with 'Malaysia' selected.
- Maklumat Perhubungan:** Includes fields for 'No. Telefon (WhatsApp) *', 'E-mel (Pastikan Aktif) *', and 'Alamat *'.
- Poskod *:** A dropdown menu with '76000' selected.
- Bandar *:** A dropdown menu with 'KUALA TERENGGANU' selected.
- Daerah *:** A dropdown menu with 'Kuala Terengganu' selected.
- Negeri *:** A dropdown menu with 'Terengganu' selected.
- DUN *:** A dropdown menu with 'Kemasik' selected.
- Parlimen *:** A dropdown menu with 'Marang' selected.
- Maklumat Sosio-Ekonomi:** Includes fields for 'Status Perkahwinan *' (dropdown with 'Belum Berkahwin' selected), 'Jenis Yatim (Pilih jika Ya)' (dropdown with '--- Sila Pilih ---' selected), 'Bilangan Ahli Keluarga *' (dropdown with '9' selected), 'Pendapatan Isi Rumah (Bulanan) *' (dropdown with '< RM5,250 (B40)' selected), and 'Tempat Tinggal *' (dropdown with 'Bandar' selected).
- Maklumat Pendidikan & Bank:** Includes fields for 'Pendidikan Tertinggi *' (dropdown with '--- Sila Pilih ---' selected), 'Bank *' (dropdown with '--- Sila Pilih ---' selected), and 'No. Akaun Bank *' (text field).

At the bottom of the form, there are three buttons: 'Kembali' (left arrow), 'Simpan Draf' (green), and 'Teruskan' (right arrow).

Rajah 4.4 Maklumat Pemohon

4.5 Maklumat Bapa / Penjaga

Pemohon perlu mengisi semua maklumat bapa atau penjaga seperti rajah 4.5.

MAKLUMAT BAPA / PENJAGA

Sila isi maklumat bapa/penjaga pemohon. Jika bapa telah meninggal dunia, sila isi maklumat penjaga (Ibu/Datuk/Nenek atau lain-lain).

☐ **Tik jika bapa telah meninggal dunia**

Nama Penuh * Jenis Pengenalan *

No. Kad Pengenalan * Tempat Lahir *

No. Telefon * E-mel * Pemilikan Rumah *

Maklumat Pekerjaan & Sosio-Ekonomi

Status Pekerjaan * Sektor Pendapatan Bulanan *

Majikan/Organisasi Alamat Majikan/Organisasi

Penerima Bantuan Kerajaan ☒ Ya, menerima bantuan kerajaan Jenis Bantuan

Adakah Bapa/Penjaga merupakan pengundi berdaftar di negeri Terengganu? ☒ Ya ☐ Tidak
Pastikan anda membuat pilihan berkenaan. Abaikan jika bukan pengundi.

DUN *

[← Kembali](#) [Simpan Draf](#) [Teruskan →](#)

Rajah 4.5: Maklumat Bapa

4.6 Maklumat Ibu

Pemohon perlu mengisi semua maklumat ibu seperti rajah 4.6.

MAKLUMAT IBU

☐ **Tik jika Ibu adalah penjaga @ telah meninggal dunia**

Nama Penuh * Jenis Pengenalan *

No. Kad Pengenalan * Tempat Lahir *

No. Telefon * E-mel * Pemilikan Rumah *

Maklumat Pekerjaan & Sosio-Ekonomi

Status Pekerjaan * Sektor Pendapatan Bulanan *

Majikan/Organisasi Alamat Majikan/Organisasi

Penerima Bantuan Kerajaan ☐ Ya, menerima bantuan kerajaan

Adakah Ibu merupakan pengundi berdaftar di negeri Terengganu? ☒ Ya ☐ Tidak
Pastikan anda membuat pilihan berkenaan. Abaikan jika bukan pengundi.

DUN *

[← Kembali](#) [Simpan Draf](#) [Teruskan →](#)

Rajah 4.6: Maklumat Ibu

4.7 Maklumat Tanggungan

Pemohon perlu mengisi semua maklumat tanggungan seperti rajah 4.7.

Bil	Nama	Status	Tahun Lahir	OKU	Tindakan
1				☒ OKU	
2				☐ OKU	

Untuk menghapus rekod, klik butang padam.

Rajah 4.7: Maklumat Tanggungan

- Pemohon boleh **menyimpan permohonan sebagai draf** dan kembali semula untuk meneruskan atau mengemaskini maklumat sebelum menghantar permohonan.

4.8.0 Maklumat Dokumen

Pemohon perlu memuat naik salinan dokumen yang telah disahkan seperti rajah 4.8. Pastikan dokumen dalam bentuk format JPEG atau PNG sahaja.

Muat Naik dokumen pada ruangan ini.

Untuk menghapus dokumen, klik butang padam.

Rajah 4.8: Maklumat Dokumen

4.8.1 Maklumat Penting Dokumen Lampiran

4.8.1.1 Semua dokumen **hanya perlu dimuat naik** ke dalam sistem permohonan sahaja. **Tidak perlu menghantar salinan fizikal dokumen** ke ibu pejabat Yayasan Terengganu.

4.8.1.2 Sila pastikan dokumen yang dimuat naik adalah lengkap / jelas. Permohonan yang **tidak lengkap/ dokumen tidak boleh dibaca / kabur / tidak jelas dan seumpamanya tidak akan diproses / ditolak**.

4.8.1.3 Pemohon diberi masa selama **1 bulan untuk mengemaskini dokumen yang tidak lengkap** (Tempoh 1 bulan dikira selepas permohonan dikembalikan untuk dikemaskini). Permohonan akan ditolak jika pemohon tidak mengemaskini dokumen dalam waktu yang ditetapkan.

4.8.1.4 Pastikan **saiz fail tidak melebihi 2MB/dokumen dan di dalam format jpg/jpeg sahaja**. (Dilarang memuat naik dokumen dalam format ZIP).

4.8.1.5 Pengesahan dokumen boleh dibuat oleh semua Pegawai Kumpulan Pengurusan & Profesional, Pengerusi JPKK, Penghulu.

4.8.1.6 Dapatkan surat pengesahan bermastautin / bermukim (jika berkenaan) daripada Pengerusi JPKK, Penghulu atau Ketua Kampung.

4.8.2 Lampiran Wajib

4.8.2.1 Salinan Surat Beranak Pemohon yang disahkan

4.8.2.2 Salinan Kad Pengenalan Pemohon yang disahkan

4.8.2.3 Salinan Kad Pengenalan Ibu/Penjaga yang disahkan

4.8.2.4 Salinan Kad Pengenalan Bapa/Penjaga yang disahkan

4.8.2.5 Salinan Daftar Pemilih Ibu/Penjaga yang disahkan

4.8.2.6 Salinan Daftar Pemilih Bapa/Penjaga yang disahkan

4.8.2.7 Salinan Surat Tawaran Kemasukan yang disahkan

4.8.2.8 Salinan Muka Depan Akaun Bank Pemohon yang disahkan

4.8.2.9 Surat Mastautin / Surat Akaun Kerakyatan yang disahkan (Jika perlu)

4.8.3 Lampiran Tambahan Mengikut Kategori

a. Kategori Pra Universiti

i. Salinan Keputusan SPM yang disahkan

b. Kategori Universiti (IPTA/IPTS)

i. Salinan Keputusan SPM yang disahkan

ii. Bagi tawaran Luar Negara, sertakan Salinan Surat Penajaan
ATAU Tiket Penerbangan yang disahkan (Jika perlu)

c. Bagi pemohon IPTS, **WAJIB** sertakan salinan Resit Bayaran RM200 ke
atas ATAU Surat Pengesahan Pendaftaran daripada Pusat Pengajian jika
resit bayaran adalah kurang daripada RM200.

4.9.0 Pengesahan Maklumat

Sila semak semua maklumat dengan teliti sebelum menghantar permohonan.

① Sila semak semua maklumat dengan teliti sebelum menghantar permohonan.

Maklumat Pengajian	
Kategori:	Pra Universiti
Tahun Kemasukan:	2026
Peringkat Pengajian:	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) / Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM)
Aliran:	Sastera
Sub Aliran:	Sains Sosial
Nama Institusi:	Lain-Lain (SMA ATAS SULTAN ZAINAL ABIDIN)
Negara Pengajian:	Malaysia
Negeri Pengajian:	Terengganu
Nama Kursus:	SAINS SOSIAL (AGAMA)
Tarikh Mula Pengajian:	2026-06-08
Tempoh Pengajian:	1.5 Tahun

Rajah 4.9.1: Pengesahan Maklumat Pengajian

Maklumat Ibu

Nama:

No. K/P:

No. Telefon:

Pengundi: Ya

DUN: Rhu Rendang

Penerima Bantuan Kerajaan: Tidak

Maklumat Tanggungan

Bil	Nama	Status	Tahun Lahir	OKU
1				Tidak
2				Tidak
3				Tidak
4				Tidak

Rajah 4.9.4: Pengesahan Maklumat Ibu dan Maklumat Tanggungan

5.0

HANTAR PERMOHONAN

Klik butang '**Hantar Permohonan**' untuk menghantar borang permohonan yang telah disemak.

Tik pada ruangan ini sebelum menghantar borang permohonan.

☐ Saya mengesahkan bahawa semua maklumat yang diberikan adalah BENAR dan TEPAT. Saya faham bahawa sebarang maklumat palsu boleh menyebabkan permohonan saya ditolak.

- SELESAI -